

NO. SOALAN: 282

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH
BIN RAJA AHMAD
[KUALA TERENGGANU]

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan statistik kelulusan pasar raya hypermarket yang telah dikeluarkan di negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang pada tempoh 2015 - 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah bertanggungjawab untuk mengawalselia penyertaan asing dalam sektor perkhidmatan perdagangan pengedaran di Malaysia termasuk operasi *hypermarket*. Ini tertakluk menyediakan Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Perdagangan Pengedaran Sektor Perkhidmatan di Malaysia 2004 (Pindaan 2010).

Bagi tempoh 2015 sehingga suku kedua 2017, KPDNKK telah meluluskan satu permohonan *hypermarket* milikan asing di Kelantan. Bagi permohonan *hypermarket* tempatan adalah di luar bidang kuasa Kementerian ini.